

**Bantah pembangkang terima dana asing
Utusan Online
12 April, 2012**

HULU LANGAT 11 April - Persatuan Kebajikan dan Khairat Kampung Sungai Sekamat hari ini membuat laporan polis dan mengadakan perhimpunan aman bagi membantah tindakan pakatan pembangkang yang didakwa menerima dana asing untuk tujuan Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) nanti.

Persatuan tersebut yang diketuai ahli jawatankuasanya, Kamarul Ariffin Saidin membuat laporan berkenaan di Ibu Pejabat Polis Daerah Kajang kira-kira pukul 1 petang sejurus selepas selesai perhimpunan.

Perhimpunan itu disertai 230 ahli serta penduduk Hulu Langat yang diadakan pukul 12.45 tengah hari.

Menurut Kamarul Ariffin, tindakan pakatan pembangkang untuk mendapatkan bantuan asing disifatkan tidak bermaruah serta menjejaskan imej negara.

"Walaupun 12 manifesto pada pilihan raya 2008 gagal ditunaikan, pakatan pembangkang masih cuba menanam janji-janji baru untuk memperdaya rakyat.

"Mana janji nak bagi sumbangan kepada setiap pelajar institusi pengajian tinggi dan mansuh cukai pintu? Anak saya lahir di Selangor pada 2009 pun tidak mendapat apa-apa," katanya ketika ditemui pemberita di sini hari ini.

Beliau sehubungan itu meminta pihak berkuasa mengambil tindakan tegas menghalang tindakan parti pembangkang mendapatkan dana asing untuk PRU-13.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0412&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_08.htm